

D.R. 40/2023

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 4

2. Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [*Akta 597*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 4—

(a) dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

“(d) untuk melawat mana-mana tempat tahanan, institusi dan tempat lain mengikut tatacara sebagaimana yang ditetapkan

Rang Undang-Undang

oleh undang-undang bertulis atau yang dinyatakan dalam garis panduan yang berhubungan dengan tempat tahanan, institusi dan tempat itu dan untuk membuat syor yang perlu;”;

- (ii) dalam perenggan (*e*), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (*e*) perenggan yang berikut:

“(ea) berkenaan dengan kanak-kanak–

- (i) untuk menerima apa-apa komunikasi daripada kanak-kanak sama ada secara langsung atau melalui mana-mana orang atau pihak berkuasa yang berhubungan dengan aduan dan keperluan kanak-kanak itu dan untuk bertindak atas aduan dan keperluan itu; dan
- (ii) untuk mengadakan dan menerima pakai mekanisme dan tatacara dalam menggalakkan penyertaan kanak-kanak dalam perkara yang berkenaan dengan mereka; dan”;

- (b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Lawatan oleh Suruhanjaya ke mana-mana tempat tahanan, institusi dan tempat lain di bawah perenggan 2(*d*) tidak boleh dihalang oleh orang yang bertanggungjawab bagi tempat tahanan, institusi atau tempat itu jika tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis atau yang dinyatakan dalam garis panduan yang berhubungan dengan tempat tahanan, institusi atau tempat itu telah dipatuhi.”.

Pindaan seksyen 5

3. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “terdiri daripada” perkataan “tidak kurang daripada tujuh dan”;

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Anggota Suruhanjaya hendaklah dilantik dalam kalangan warganegara Malaysia yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam perkara hak asasi manusia, yang terdiri daripada lelaki dan wanita daripada pelbagai latar belakang agama atau ras, dan orang kurang upaya.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Anggota Suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen ini hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang wakil dalam kalangan orang kurang upaya dan sekurang-kurangnya tiga puluh peratus wakil dalam kalangan wanita.

(3B) Mana-mana orang yang terlibat secara aktif dalam politik dan berdaftar dengan mana-mana parti politik tidak boleh dilantik sebagai anggota Suruhanjaya.”.

Seksyen baharu 6A

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 seksyen yang berikut:

“Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan Pesuruhjaya Kanak-Kanak

6A. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah menetapkan dalam kalangan anggota Suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen 5, seorang Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan dua orang Pesuruhjaya Kanak-Kanak untuk menguruskan perkara hak asasi manusia yang berhubungan dengan kanak-kanak.

(2) Tempoh jawatan Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan Pesuruhjaya Kanak-Kanak adalah selama tempoh keanggotaan mereka dalam Suruhanjaya.

(3) Fungsi Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan Pesuruhjaya Kanak-Kanak di bawah seksyen ini hendaklah sebagai tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, fungsi mereka sebagai anggota Suruhanjaya.

(4) Dalam menjalankan fungsi mereka, Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan Pesuruhjaya Kanak-Kanak hendaklah tertakluk kepada arahan Pengerusi Suruhanjaya.”.

Pindaan seksyen 8

5. Seksyen 8 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “Pengerusi Suruhanjaya” perkataan “, Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan Pesuruhjaya Kanak-Kanak”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “anggota Suruhanjaya” perkataan “, selain anggota yang disebut dalam subseksyen (1),”.

Pindaan seksyen 10

6. Akta ibu dipinda dengan menggantikan subperenggan 10(d)(ii) dengan subperenggan yang berikut:

“(ii) telah melanggar tatalaku yang diadakan di bawah seksyen 10A; atau”.

Seksyen baharu 10A dan 10B

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 10 seksyen yang berikut:

“Tatalaku

10A. (1) Menteri boleh mengadakan suatu tatalaku yang hendaklah dipatuhi oleh anggota Suruhanjaya.

(2) Tatalaku yang diadakan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Jika sampai kepada pengetahuan Menteri bahawa terdapat suatu pelanggaran tatalaku yang dikatakan telah dilakukan oleh mana-mana anggota Suruhanjaya, Menteri hendaklah merujukkan perkara itu kepada Perdana Menteri bagi pelantikan suatu tribunal penyiasatan di bawah seksyen 10B.

Tribunal penyiasatan

10B. (1) Tribunal penyiasatan hendaklah terdiri daripada tiga anggota yang dilantik oleh Perdana Menteri.

(2) Tribunal penyiasatan hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan penyiasatan terhadap pelanggaran tatalaku yang dikatakan telah dilakukan oleh anggota Suruhanjaya dan hendaklah membuat dapatannya dan boleh membuat apa-apa syor berdasarkan dapatannya itu kepada Perdana Menteri.

(3) Anggota tribunal penyiasatan yang dilantik di bawah subseksyen (1) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

(4) Tribunal penyiasatan hendaklah menjalankan penyiasatannya mengikut tatacara sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dalam peraturan-peraturan.

(5) Jika suatu penyiasatan dimulakan berkenaan dengan pelanggaran tatalaku yang dikatakan telah dilakukan oleh seseorang anggota Suruhanjaya di bawah seksyen ini, Yang di-Pertuan Agong boleh, atas syor Perdana Menteri, menggantung anggota Suruhanjaya itu daripada menjalankan fungsinya sehingga tribunal penyiasatan membuat dapatannya di bawah subseksyen (8) atau sehingga suatu keputusan dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan subperenggan 10(d)(ii), mengikut mana-mana yang terkemudian.

(6) Jika anggota Suruhanjaya digantung daripada menjalankan fungsinya di bawah subseksyen (5), anggota Suruhanjaya itu hanyalah berhak menerima tidak kurang daripada separuh daripada saraan atau elaunnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selama tempoh penggantungannya.

(7) Bagi maksud penyiasatan di bawah seksyen ini, tribunal penyiasatan boleh—

- (a) mengumpul apa-apa keterangan yang berhubungan dengan pengataan pelanggaran tatalaku itu dan memeriksa mana-mana orang yang difikirkannya perlu;
- (b) menghendaki mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat tribunal penyiasatan untuk memberikan keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam milikannya; atau
- (c) mengambil apa-apa tindakan yang perlu untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara yang berhubungan dengan penyiasatan itu.

(8) Apabila selesai penyiasatan—

- (a) jika tribunal penyiasatan mendapati bahawa terdapat suatu pelanggaran tatalaku oleh anggota Suruhanjaya itu, tribunal penyiasatan hendaklah mengesyorkan kepada Perdana Menteri supaya anggota Suruhanjaya itu dipecat daripada menjadi anggota Suruhanjaya; atau
- (b) jika tribunal penyiasatan mendapati bahawa tiada pelanggaran tatalaku oleh anggota Suruhanjaya itu, tribunal penyiasatan hendaklah menggugurkan perkara itu dan memaklumkan Perdana Menteri dengan sewajarnya.

(9) Dalam hal penggantungan seseorang anggota Suruhanjaya di bawah subseksyen (5), jika tribunal penyiasatan mendapati bahawa tiada pelanggaran tatalaku oleh anggota Suruhanjaya itu, anggota Suruhanjaya itu hendaklah berhak menerima mana-mana bahagian saraan atau elaunnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang tidak dibayar kepadanya selama tempoh penggantungannya.”.

Pindaan seksyen 11A

8. Seksyen 11A Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Anggota jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri.”.

Pindaan seksyen 13

9. Seksyen 13 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Jika Suruhanjaya telah merujukkan apa-apa pelanggaran hak asasi manusia kepada pihak berkuasa atau orang yang berkaitan di bawah subseksyen (2), pihak berkuasa atau orang yang berkaitan itu hendaklah memaklumkan Suruhanjaya mengenai apa-apa tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa atau orang yang berkaitan itu berhubung dengan pelanggaran hak asasi manusia itu.”.

Pindaan seksyen 14

10. Seksyen 14 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Walau apa pun perenggan (1)(c), jika orang yang dipanggil itu ialah seseorang yang berada dalam tahanan di suatu tempat tahanan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau ditempatkan di mana-mana institusi atau tempat lain, saman itu hendaklah dikeluarkan mengikut undang-undang bertulis atau garis panduan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang terpakai bagi tempat tahanan, institusi atau tempat itu.”.

Penggantian seksyen 22

11. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 22 dengan seksyen yang berikut:

“Peraturan-peraturan”

22. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjaskan kluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk menetapkan tatacara bagi penjalanan siasatan di bawah Akta ini; dan
- (b) untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan penyiasatan oleh tribunal penyiasatan termasuk—
 - (i) tatacara bagi penjalanan penyiasatan oleh tribunal penyiasatan; dan
 - (ii) peluang bagi suatu representasi dibuat oleh anggota Suruhanjaya yang dengannya penyiasatan itu berkaitan sebelum sesuatu daptan oleh tribunal penyiasatan.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (“Akta 597”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 597 untuk memperuntukkan secara nyata kuasa Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (“Suruhanjaya”) dalam menjalankan fungsinya, untuk melawat, selain tempat tahanan, mana-mana institusi dan tempat lain mengikut tatacara yang ditetapkan oleh undang-undang bertulis atau yang dinyatakan dalam garis panduan yang berhubungan dengan institusi dan tempat itu. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memberikan

kuasa tambahan kepada Suruhanjaya dalam menguruskan perkara hak asasi manusia yang berhubungan dengan kanak-kanak, iaitu, untuk menerima apa-apa komunikasi daripada kanak-kanak sama ada secara langsung atau melalui mana-mana orang atau pihak berkuasa yang berhubungan dengan aduan dan keperluan kanak-kanak dan untuk bertindak atas aduan dan keperluan itu. *Fasal* ini juga memberi Suruhanjaya kuasa untuk mengadakan dan menerima pakai mekanisme dan tatacara dalam menggalakkan penyertaan kanak-kanak dalam perkara yang berkenaan dengan mereka.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 597 yang berhubungan dengan bilangan keanggotaan Suruhanjaya dan kriteria pelantikan anggota Suruhanjaya. Pindaan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi bilangan minimum keanggotaan Suruhanjaya dan untuk memperuntukkan secara nyata bahawa anggota Suruhanjaya hendaklah dilantik dalam kalangan warganegara Malaysia yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam perkara hak asasi manusia, yang terdiri daripada lelaki dan wanita daripada pelbagai latar belakang agama atau kaum, dan orang kurang upaya. Anggota Suruhanjaya yang dilantik hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang wakil orang kurang upaya dan sekurang-kurangnya tiga puluh peratus wakil dalam kalangan wanita. Orang yang terlibat secara aktif dalam politik dan berdaftar dengan mana-mana parti politik tidak boleh dilantik sebagai anggota Suruhanjaya. Pindaan ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memastikan keanggotaan Suruhanjaya merangkumi semua golongan masyarakat dan untuk memastikan Suruhanjaya menjalankan fungsinya secara bebas dan dengan integriti.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 6A ke dalam Akta 597 untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan dua orang Pesuruhjaya Kanak-Kanak dalam kalangan anggota Suruhanjaya dengan fungsi untuk menguruskan perkara hak asasi manusia yang berhubungan dengan kanak-kanak. Tempoh jawatan Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan setiap Pesuruhjaya Kanak-Kanak ialah tempoh keanggotaan mereka dalam Suruhanjaya. Seksyen baharu ini juga menjelaskan bahawa fungsi Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan Pesuruhjaya Kanak-Kanak di bawah seksyen ini hendaklah sebagai tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, fungsi mereka sebagai anggota Suruhanjaya. Seksyen ini juga memperuntukkan bahawa dalam menjalankan fungsi mereka, Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan Pesuruhjaya Kanak-Kanak hendaklah tertakluk kepada arahan Pengerusi Suruhanjaya.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta 597 untuk memperuntukkan bahawa selain Pengerusi Suruhanjaya, Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan Pesuruhjaya Kanak-Kanak hendaklah dibayar saraan dan elaun memandangkan mereka merupakan Pesuruhjaya yang ditetapkan secara khas untuk menguruskan perkara hak asasi manusia yang berhubungan dengan kanak-kanak dan hendaklah bekerja secara sepenuh masa.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 597 yang berhubungan dengan kehilangan kelayakan anggota Suruhanjaya dengan menggantikan subperenggan 10(d)(ii) Akta 597 untuk memperuntukkan bahawa seseorang anggota Suruhanjaya boleh dipecat daripada jawatannya oleh Yang di-Pertuan Agong jika Yang di-Pertuan Agong, atas syor Perdana Menteri, berpendapat bahawa anggota itu telah melanggar tatalaku yang diadakan di bawah seksyen baharu 10A.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 10A dan 10B ke dalam Akta 597. Seksyen baharu 10A memperuntukkan bahawa Menteri boleh mengadakan tatalaku yang hendaklah dipatuhi oleh anggota Suruhanjaya manakala seksyen baharu 10B memperuntukkan mengenai pelantikan anggota tribunal penyiasatan dan bahawa anggota tribunal penyiasatan boleh dibayar elaun. Tribunal penyiasatan hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan penyiasatan terhadap pelanggaran tatalaku yang dikatakan telah dilakukan oleh anggota Suruhanjaya dan hendaklah membuat daptannya dan boleh membuat apa-apa syor berdasarkan daptannya kepada Perdana Menteri. Bagi maksud penyiasatan, tribunal penyiasatan boleh mengumpul apa-apa bukti yang berhubungan dengan pelanggaran tatalaku yang dikatakan itu dan memeriksa mana-mana orang yang difikirkannya perlu, menghendaki mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat tribunal penyiasatan untuk memberikan keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam milikannya atau mengambil apa-apa tindakan yang perlu untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara yang berhubungan dengan penyiasatan itu. Jika tribunal penyiasatan mendapati, selepas penyiasatannya selesai, bahawa terdapat pelanggaran tatalaku, tribunal penyiasatan hendaklah mengesyorkan kepada Perdana Menteri supaya anggota Suruhanjaya itu dipecat daripada menjadi anggota Suruhanjaya. Jika tribunal penyiasatan mendapati bahawa tiada pelanggaran tatalaku, tribunal penyiasatan hendaklah menggugurkan perkara itu dan memaklumkan Perdana Menteri dengan sewajarnya. Seksyen baharu ini juga memperuntukkan bahawa jika penyiasatan dimulakan berkenaan dengan pelanggaran tatalaku yang dikatakan itu, Yang di-Pertuan Agong boleh, atas syor Perdana Menteri, menggantung anggota Suruhanjaya itu daripada menjalankan fungsinya.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 11A Akta 597 yang berhubungan dengan jawatankuasa yang dirundingi oleh Perdana Menteri sebelum memberikan nasihatnya kepada Yang di-Pertuan Agong mengenai pelantikan anggota Suruhanjaya. Melalui pindaan ini, subseksyen baharu 11A(2A) dimasukkan ke dalam Akta 597 untuk memperuntukkan bahawa anggota jawatankuasa itu boleh dibayar elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 13(3) ke dalam Akta 597 untuk memperuntukkan bahawa jika Suruhanjaya telah merujukkan apa-apa pelanggaran hak asasi manusia kepada pihak berkuasa atau orang yang berkaitan, pihak berkuasa atau orang yang berkaitan yang dirujuk itu hendaklah memaklumkan Suruhanjaya mengenai apa-apa tindakan yang diambil berhubung dengan pelanggaran hak asasi manusia itu.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk menggantikan subseksyen 14(2) Akta 597 yang berhubungan dengan kuasa Suruhanjaya dalam menjalankan siasatan terhadap aduan pengataan pelanggaran hak asasi manusia untuk memanggil mana-mana orang yang berada dalam tahanan di tempat tahanan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau yang ditempatkan di mana-mana institusi atau tempat lain untuk memperuntukkan bahawa saman bagi maksud memanggil orang itu hendaklah dikeluarkan mengikut undang-undang bertulis atau garis panduan yang terpakai bagi tempat tahanan, institusi atau tempat itu.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk menggantikan seksyen 22 Akta 597 yang berhubungan dengan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Akta 597 berbangkit daripada kemasukan peruntukan yang berhubungan dengan tribunal penyiasatan. Dengan pindaan ini, Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan penyiasatan oleh tribunal penyiasatan termasuk tatacara bagi penjalanan penyiasatan oleh tribunal penyiasatan dan peluang bagi suatu representasi dibuat oleh anggota Suruhanjaya yang dengannya penyiasatan itu berkaitan sebelum suatu dapatkan dibuat oleh tribunal penyiasatan.
13. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3341]